

07/07/2001

RM25b hartanah belum terjual

Badrila Jamlus

PERSATUAN Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda), menganggarkan kira-kira RM29 bilion pelbagai jenis hartanah yang belum terjual di seluruh negara bagi tempoh sehingga 31 Mac 2001.

Presiden Rehda, Datuk Eddy Chen Lok Loi, berkata laporan Pusat Maklumat Hartanah Negara (Naptic) mendapati hartanah itu meliputi bangunan yang sedang dan siap dibina khususnya bangunan pejabat, komersial, pusat beli-belah dan industri.

Bagaimanapun katanya, daripada jumlah itu, hanya kira-kira RM6 bilion membabitkan hartanah berbentuk kediaman.

Sehubungan itu, bagi mengurangkan lambakan hartanah di pasaran, Rehda sekali lagi menganjurkan Pameran Hartanah Malaysia (Mapex) 2001 yang akan diadakan di seluruh negara bermula Khamis depan di Seremban, Negeri Sembilan.

Mapex 2001 kali ini menawarkan lebih 58,000 unit hartanah dengan nilai terkumpul lebih RM11 bilion dengan pembabitan sebanyak 250 pemaju.

Pelancaran peringkat kebangsaan akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 2 hingga 6 Ogos ini.

"Pameran tahun ini menawarkan pelbagai insentif kerajaan termasuk pengecualian duti setem untuk urus niaga bagi hartanah siap bina antara 28 Mac hingga 31 Disember 2001," katanya pada sidang akhbar mengumumkan pelancaran Mapex 2001 di Petaling Jaya, Selangor, semalam.

Chen berkata, pembiayaan margin tinggi iaitu sehingga 95 peratus pinjaman bagi hartanah berharga RM250,000 ke bawah dan 70 peratus pembiayaan bagi hartanah lebih RM500,000 dijangka menarik perhatian pengunjung.

Selain itu, katanya pemaju juga menawarkan potongan harga antara dua hingga 20 peratus tetapi bergantung kepada lokasi dan jenis hartanah.

Beliau berkata, sehingga kini kira-kira 90 peratus ruang pameran di PWTC sudah ditempah manakala 74 pemaju mengesahkan penyertaan dalam pameran yang turut disertai 11 institusi kewangan utama.

Ditanya mengenai sasaran jualan, Chen berkata Rehda mensasarkan jualan minimum RM1 bilion hingga RM4 bilion tetapi bergantung kepada sambutan orang ramai kerana berdasarkan pengalaman menganjurkan Kempen Pemilikan Rumah (HOC) yang pertama, jualan hartanah dicatatkan sebanyak RM3.8 bilion iaitu melebihi sasaran RM500 juta.

Katanya, selain menawarkan pelbagai jenis rumah kediaman, pembeli turut berpeluang memenangi sebuah apartmen kos sederhana di Klang yang ditaja oleh Labur Bina Sdn Bhd.

Sementara itu, ditanya mengenai sambutan rakyat asing terhadap kelonggaran pembelian hartanah yang diumumkan kerajaan Mei lalu, beliau berkata kebanyakan mereka lebih bersikap tunggu dan lihat sama ada kerajaan akan mengubah polisi itu atau tidak.

Bagaimanapun, katanya Rehda mempunyai rancangan untuk mengadakan pameran bergerak ke beberapa negara jiran bagi mempromosikan hartanah terbabit menerusi kerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Garis panduan baru FIC membenarkan rakyat asing membeli semua jenis hartanah lebih RM250,000 sama ada yang lama atau baru, di samping dibenar mendapat pembiayaan tempatan.

(END)